

Kerajaan berhati-hati salur bantuan tunai: PM

Pentadbiran PH
ambil kira
implikasi
keuangan
lebih besar
kepada negara

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan hari ini bukan tidak bertimbang rasa dalam menyalur bantuan tunai kepada rakyat, sebaliknya berhati-hati kerana tidak mahu ia menyebabkan implikasi kepada kewangan lebih besar kepada negara.

Menegaskan demikian, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan pimpinannya tidak boleh memberi kemewahan seperti kerajaan dahulu kerana tindakan itu meningkatkan hutang dan menjejaskan negara.

Katanya, kerajaan terdahulu meninggalkan hutang lebih RM1 trilion dan sanggup menyalahgunakan wang itu untuk 'menyogok' rakyat bagi mendapatkan sokongan.

"Saya jelaskan perkara ini kerana kita dapati seolah-olah kita kerajaan tak bertimbang rasa se-

perti kerajaan dulu. Sebenarnya kita bertimbang rasa, tetapi kita berusaha untuk keselamatan negara keseluruhannya, termasuk kewangan.

"Kalau kita (kerajaan PH) guna wang yang dipinjam atau dicuri untuk tunjuk kita sebuah kerajaan yang bertimbang rasa, akhirnya kita akan hadapi masalah besar," katanya berucap pada Majlis Perjumpaan Pegawai Kerajaan Bersama Perdana Menteri, di sini, semalam.

Bertemakan Perkhidmatan Awam Malaysia: Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan Negara, majlis itu dihadiri seramai 1,500 pegawai kerajaan Gred 41 hingga Gred 48.

Merujuk kepada kerajaan terdahulu sering menaikkan gaji penjawat awam sehingga 25 peratus, Perdana Menteri berkata, ia dilakukan tanpa mengambil kira pendapatan negara sebaliknya semata-mata untuk mendapatkan sokongan.

"Ini perbuatan rasuah untuk sogok pegawai kerajaan sehingga kita kekurangan wang untuk pembangunan, kalau terlalu banyak wang digunakan untuk (perbelanjaan) operasi, maka tak cukup untuk pembangunan sehingga pinjam wang dan kewangan negara mengalami defisit.

"Selain itu, kita dapati sikap rakyat sudah bertukar, sekarang mereka lebih bergantung kepada

kerajaan, nak dapat duit minta dan kerajaan dulu beri kerana mereka menyalahgunakan wang.

"Kerajaan ini tak dapat beri kerana ini akan menyebabkan hutang lebih banyak, kalau gaji naik tanpa tingkat produktiviti, maka kos sara hidup meningkat, tapi kuasa membeli tak meningkat. Ini akan menyebabkan inflasi, mata wang kita jatuh, kehidupan kita tak selesa," katanya.

Dr Mahathir berkata, sama ada

"Kerajaan ini tak dapat beri kerana ini akan menyebabkan hutang lebih banyak, kalau gaji naik tanpa tingkat produktiviti, maka kos sara hidup meningkat, tapi kuasa membeli tak meningkat. Ini akan menyebabkan inflasi, mata wang kita jatuh, kehidupan kita tak selesa."

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

kerajaan dapat memulihkan semula kedudukan kewangan negara, bergantung kepada kefahaman serta kerjasama pegawai kerajaan yang dahulunya setia kepada kerajaan terdahulu yang berkuasa lebih 60 tahun.

"Jentera kerajaan mesti beri kerjasama dan kesetiaan kepada kerajaan baharu, melainkan kerajaan baharu ini terbabit mencuri dan rasuah, tetapi setakat ini kita tak lihat amalan pencurian besar-besaran seperti kerajaan lalu.

"Oleh itu, kita harap jentera kerajaan bantu pulihkan negara apabila kerajaan baharu ini memperkenalkan dasar baharu, kita perlu tahu apakah cara, dasar dan pendekatan digunakan kerajaan hari ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, jentera kerajaan pada masa lalu turut dirosakkan apabila ada pegawai tinggi yang menerima sogokan atau terbabit dengan rasuah.

"Mereka berpengalaman, tetapi terbabit dengan rasuah, maka terpaksa disingkirkan dan diganti dengan pegawai muda yang kurang pengalaman, ini melemahkan jentera kerajaan," katanya.

Katanya, ia antara perkara yang menyebabkan usaha kerajaan untuk memulihkan pentadbiran dengan cepat sukar dilaksanakan.